

17 JULAI 2018

Bilik kawalan lalok

64 tengah 17-07-2018 >> Pusat hiburan terbabit sudah diserbu empat kali sebelum ini

Bilik kawalan lalok

■ Dadah RM13,600 disorok dalam kotak pembesar suara

Teoh Pei Ying
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Guna kotak pembesar suara sebagai lokasi sulit untuk menyembunyikan pelbagai jenis dadah dijual kepada pelanggan pusat hiburan.

Itu antara taktik dibongkar sepasukan polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSN) Bukit Aman dan Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING), yang menyerbu sebuah pusat hiburan di Shamelin, Cheras di sini, pagi semalam.

Pemangku Ketua Polis Da-

erah Cheras Superintendan Kamal Khan Mohd Shariff berkata, pemeriksaan di bilik kawalan pusat hiburan itu menemui pelbagai jenis dadah bernilai RM13,600.

Menurutnya, serbuk ekstasi, kanabis, ketamin dan pil Erimin 5 ditemui disembunyikan di dalam kotak pembesar suara di premis hiburan itu.

"Pusat hiburan itu pernah diserbu empat kali sebelum ini pada 2017 dan 2018. Sepanjang tempoh itu, pusat hiburan berkenaan ditutup, namun beroperasi semula bulan lalu dengan pengu-rusan baru.

"Selain itu, seramai 134 individu termasuk 38 warga asing berusia 18 hingga 40

ta Dadah Berbahaya 1952, manakala seorang lagi ditahan mengikut Seksyen 12 (2) akta yang sama, selain empat wanita warga Vietnam yang ditahan mengikut Seksyen 39b Peraturan Imigrasi 1963.



DADAH bernilai RM13,600 ditemui dalam kotak pembesar suara yang diletakkan di dalam bilik kawalan pusat hiburan.

tahun diperiksa dalam operasi berkenaan," katanya.

Dia berkata, seramai 99 individu ditahan selepas didapati positif dadah.

Katanya, daripada jumlah itu, 98 individu ditahan mengikut Seksyen 15 (1) (a) Ak-